

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU), di bawah bidang serta dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:

Bil.	Tajuk dan No. Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Tempat dan Lawatan Tapak	Tarikh Dokumen Sebut Harga boleh didapati	Tarikh, Masa dan Tempat Tutup Sebut Harga
1.	KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN PAGAR DI STADIUM HOKI, KPM LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR TAHUN 2026 KPM/BSKK/SH/K/01/2026	Gred CIDB G2 Kategori CE Pengkhususan CE21	28 April 2026 (Selasa) Masa Pendaftaran: 9.30 Pagi – 10.30 Pagi Masa Taklimat: 10.45 Pagi Tempat Taklimat: Stadium Hoki, KPM KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN	Dokumen sebut harga boleh didapati mulai: 28 April 2026 (Selasa) Tempat: Stadium Hoki, KPM	4 Mei 2026 (Isnin) 12.00 tengahari Tempat: Peti Sebut Harga Sektor Khidmat Pengurusan, Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian, Aras 1, Blok E13, WP Putrajaya
Sebarang pertanyaan boleh hubungi: En. Mohd Nurizwan bin Abdul Rahim (012-7643824)					

2. Pendaftaran sesi lawatan tapak akan dibuka pada jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan menyertai sebut harga. Kontraktor/pembekal yang hadir ke sesi taklimat hendaklah membawa bersekali sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan, Sijil CIDB, Sijil SSM, Sijil SPKK serta Sijil Pendaftaran Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. **PEWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.** Pengarah Syarikat yang sah dan dinamakan dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri Taklimat Sebut harga dan lawatan tapak.

3. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada **kontraktor/pembekal yang hadir ke taklimat dan lawatan tapak sahaja.**

4. Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di alamat **Sektor Khidmat Pengurusan, Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian, Aras 1, Blok E13, WP Putrajaya** pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada 4 Mei 2026 (Isnin).

5. Dokumen sebut harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk sebut harga dituliskan dikirinya dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga mengikut alamat di atas.

6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor/pembekal. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.